

Buletin

e-ISSN: 2600-8289

Ramadhan - Syawal 1444/ April 2023

ACIS



IDULFITRI:
Polemik antara
IBADAT atau
ADAT

Sunah-sunah Hari Raya 5

Puasa Enam: Puasa Selepas Ramadan 7

Kaifah pelaksanaan sembahyang Hari Raya Aidil Fitri menurut syarak 8

Sambutan Hari Raya ACIS, UHEI & Alumni Negeri Sembilan 10

eISSN 2600-8289



Kaifiat pelaksanaan sembahyang Hari Raya Aidil Fitri menurut Syarak

Oleh:

Abdul Mukti bin Baharudin

Jabatan Al-Quran dan As-Sunnah, Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Universiti Islam Antarabangsa Selangor (UIS).

Hajah Makiah Tussaripah Binti Jamil

Pensyarah Kanan Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), UiTM Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Seremban.

PENDAHULUAN

Selesai menunaikan puasa sebulan di bulan Ramadan, umat Islam akan menyambut Hari Raya Aidilfitri. Ia merupakan hari kemenangan dan kegembiraan yang amat ditunggu oleh umat Islam di seluruh dunia. Di antara tuntutan syarak dalam menyambut Hari Raya Aidilfitri ialah mendirikan sembahyang hari raya. Ia adalah ibadah yang amat dituntut kepada umat Islam untuk dilaksanakan. Namun demikian, pelaksanaannya yang hanya dilakukan dua kali setahun, iaitu pada Hari Raya Aidilfitri dan Hari Raya Aidiladha, terkadang menimbulkan polemik dan perdebatan dalam kalangan masyarakat.

PENGERTIAN HARI RAYA AIDILFITRI

Dalam bahasa Arab Hari Raya Aidilfitri disebut dengan *Eidil Fitri*

(عيد الفطري). Kalimah *al-'eid* (العيد) diambil daripada perkataan *al-'aud* (العود) iaitu *masdar* (kata terbitan) daripada '*ada* (عاد). Menurut *al-Mu'jam al-'Araby al-Asasi*, '*ada* bermaksud *raja'a*

(رجع), iaitu kembali. Dinamakan demikian sama ada disebabkan berulang-ulang kali kembalinya pada setiap tahun atau disebabkan kegembiraan kembali timbul dengan

Ada pun kalimah *al-fitr* (الفر) pula diambil daripada kalimah *al-fitrāh* (الفترة) yang bermaksud *al-khilqah* (الخلقة) iaitu fitrah kejadian.

SEJARAH SAMBUTAN HARI RAYA AIDILFITRI

Hari Raya Aidilfitri pertama kalinya disambut oleh umat Islam pada tahun kedua hijrah, iaitu setelah berlakunya perang Badar pada 17 Ramadan tahun kedua hijrah. Di dalam peperangan tersebut umat Islam telah memperolehi kejayaan dengan mengalahkan tentera kafir Quraisy yang memiliki bilangan tentera yang lebih ramai dan persenjataan yang lebih banyak. Jadi pada tahun itu Rasulullah SAW dan sahabat-sahabat RA telah merayakan dua kemenangan iaitu kemenangan ke atas orang kafir Quraisy dan kemenangan menguasai dan menundukkan nafsu dengan berpuasa selama sebulan.

SEMBAHYANG HARI RAYA

Pensyariatkan Sembahyang Hari Raya

Menurut kitab Fiqh al-Manhaji, sembahyang Hari Raya Aidilfitri disyariatkan pada tahun kedua hijrah. Sembahyang hari raya yang pertama didirikan oleh Rasulullah SAW ialah sembahyang Hari Raya Aidilfitri, iaitu pada tahun kedua hijrah. Pelaksanaan ibadat ini telah diriwayatkan oleh Imam al-Bukhari dan Imam

Muslim menerusi hadis yang diriwayatkan daripada Abi Saïd al-Khudri RA dengan katanya:

Rasulullah SAW keluar pada hari raya puasa dan hari raya haji menuju ke tempat sembahyang. Perkara pertama yang dilakukan ialah sembahyang. Kemudian baginda SAW berpaling menghadap orang ramai yang sedang duduk di dalam saf-saf mereka. Lalu baginda SAW memberi nasihat dan mengeluarkan perintah kepada mereka. Sekiranya baginda SAW ingin memilih satu kumpulan daripada mereka untuk dicetuskan bagi tujuan berjihad, baginda SAW akan melakukannya. Atau jika baginda SAW ingin memerintah supaya melakukan sesuatu, baginda SAW akan perintah. Kemudian baginda SAW beredar.

Hukum Sembahyang Hari Raya

Hukum sembahyang hari raya ialah sunat *muakkad* (sunat yang amat dituntut). Ini kerana Rasulullah SAW tidak pernah meninggalkannya semenjak disyariatkan sehinggalah baginda SAW wafat. Kemudian ia diteruskan pula oleh para sahabat RA dan generasi-generasi seterusnya. Menurut Muhammad bin Ismail Daud al-Fatani dalam kitabnya *Matla' al-Badrain wa Majma' al-Bahrain*, ia dituntut untuk dilaksanakan sama ada secara berjamaah atau bersendirian, sama ada musafir, hamba dan perempuan. Manakala di dalam kitab Fiqh al-Manhaji, diperincikan dengan menjelaskan bahawa sembahyang sunat hari raya ini dituntut untuk dilakukan merangkumi semua *muakkaf* sama ada lelaki atau perempuan, orang yang bermukim atau yang bermusafir, orang merdeka atau hamba, melainkan perempuan yang berperhiasan atau yang boleh menimbulkan fitnah, maka dia hendaklah bersembahyang di rumah.

Waktu Sembahyang Sunat Aidilfitri

Waktu pelaksanaan sembahyang sunat Aidilfitri adalah bermula dari terbit matahari sehingga sebelum gelincir matahari (waktu Zohor) 1 Syawal. Waktu yang lebih baik (afdal) ialah ketika matahari naik kadar segalah (kira-kira waktu Duha) kerana itulah waktu yang sering dilaksanakan oleh Rasulullah SAW. Sekiranya seseorang itu tidak dapat menunaikannya, dia boleh mengqadanya kerana sembahyang sunat Hari Raya adalah termasuk dalam sembahyang sunat yang berwaktu.

Cara Menunaikan Sembahyang Sunat Aidilfitri

Sembahyang Hari Raya Aidilfitri didirikan sebanyak dua rakaat sebelum khutbah raya.

Rakaat pertama: Dimulakan dengan *takbiratul ihram* berserta niat, kemudian membaca doa iftitah dan setelah itu bertakbir tujuh kali dengan mengangkat tangan sebagaimana *takbiratul ihram*. Ketujuh-tujuh takbir itu dipisahkan dengan masa sekadar satu ayat yang sederhana dan disunatkan membaca tasbih di antara takbir-takbir tersebut, iaitu:

سبحان الله والحمد لله ولا إله إلا الله والله أكبر و لا حول ولا قوة إلا
بالله العلي العظيم

Kemudian membaca *isti'azah* dan Fatihah serta dibaca bersamanya satu surah atau beberapa ayat.

Rakaat kedua: Setelah bangkit dari sujud kedua pada rakaat pertama, hendaklah bertakbir lima kali (tidak termasuk takbir intiqal) dan seterusnya melakukan sebagaimana pada rakaat pertama.

Kesemua takbir pada rakaat pertama (7 kali) dan rakaat kedua (5 kali) adalah sunat. Jika terlupa melakukannya dan terus membaca Fatihah, maka takbir-takbir itu luput (tidak perlu diulang semula) dan sembahyangnya tetap sah.

Manakala makmum yang masuk, hanya perlu mengikut bilangan takbir imam yang berbaki sahaja tanpa perlu mencukupkan bilangannya.

Setelah selesai sembahyang Hari Raya, disunatkan untuk berkhotbah walaupun ia tidak dilakukan di masjid atau di kawasan lapang serta hanya didirikan oleh dua orang sahaja.

Disunatkan untuk bertakbir sebanyak sembilan kali pada khutbah pertama dan tujuh kali pada khutbah kedua.

KESIMPULAN

Sebagai umat Islam, melaksanakan sembahyang Hari Raya adalah merupakan satu tuntutan yang sangat digalakkan. Namun pelaksanaan sunat muakkad ini akan lebih sempurna sekiranya umat Islam melakukannya dengan penuh kefahaman dan ilmu yang benar mengikut panduan syarak. Hanya dengan cara tersebut, umat Islam akan sentiasa jauh dari sebarang pertelingkahan dan kekeliruan.